

30 APR 1999

AGONG TUNAI SOLAT JUMAAT DI MASJID NEGARA

KUALA LUMPUR, 30 April (Bernama) -- Yang di-Pertuan Agong Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah hari ini berkenaan menunaikan solat Jumaat di Masjid Negara bersama kira-kira 5,000 jemaah.

Baginda yang mengangkat sumpah jawatan sebagai Yang di-Pertuan Agong Ke-11 Isnin lepas tiba di Masjid Negara pada pukul 1 tengah hari.

Baginda juga berkenaan bersalam-salaman dengan jemaah lain setelah selesai solat itu.

Solat Jumaat hari ini diimamkan Imam Tiga Masjid Negara, Ustaz Firdaus Ismail Al-Hafiz.

Turut menunaikan solat Jumaat di Masjid Negara ialah Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad serta beberapa Menteri Kabinet dan Timbalan Menteri.

-- BERNAMA

RZS PR